

PERBINCANGAN TERBUKA PM-CARINGTON

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad akan membincangkan beberapa perkara secara terbuka dengan Setiausaha Luar British apabila beliau melawat Malaysia akhir minggu ini.

Perdana Menteri menjelaskan demikian ketika ditanya lawatan Lord Carington nanti akan mengikiskan beberapa kekeliruan antara Kuala

Lumpur dengan London.

"Kita akan menerangkan pendirian dan polisi kita kepada siapa saja yang hendak mengetahuinya. Tetapi bukan tugas saya pergi menemui mereka memberitahu apa yang akan kita buat," tegas beliau.

Menyentuh setengah dakwaan yang mengatakan hubungan Malaysia-British tidak membanggakan kerana polisi kerajaan tidak mahu membeli barangan atau kontrak British jika terdapat pilihan lain, Perdana Menteri menjelaskan:

"Perkara ini agak subjektif dan setengah orang mempunyai pendapat yang berlainan. Tetapi saya tidak menyangka sedemikian."

Katanya, larangan itu hanya terhad kepada kerajaan dan agensi-agensinya saja sedangkan orang perseorangan atau pihak swasta masih boleh mengadakan urusan dengan British.

Lord Carrington dijangka akan tiba pada 6 Februari ini untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin Malaysia bagi memulihkan perhubungan Malaysia-British.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. 1

No. 1